

# Gakum mohon IPTA yang ada fakulti perubatan dilengkapi hospital sendiri

NS 7 13-01-2012 3

KOTA KINABALU: Gabungan Majlis Presiden dan Setiausaha Kehormat Kesatuan Kakitangan Universiti/Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia (Gakum) memohon supaya semua IPTA yang mempunyai fakulti perubatan di negara ini dilengkapi atau mempunyai hospital sendiri.

Pengerusi Gakum, Datuk Omar Osman berkata ia merupakan antara isu yang dibincangkan oleh perwakilan Gakum dalam mesyuaratnya yang sedang berlangsung di Universiti Malaysia Sabah (UMS) selama empat hari bermula kelmarin.

Sambil memberi contoh Universiti Putra Malaysia (UPM) tidak mempunyai hospital dan kini menumpang Hospital Serdang.

Beliau berkata sebagai salah satu universiti tertua di negara ini, UPM sepatutnya mempunyai hospital sendiri.

“Saya harian universiti baru ada hos-

pital sendiri (termasuk UMS yang kini dalam proses pembinaan)...UPM yang lama wujud tidak ada hospital.

“Jadi kita minta kementerian berkaitan ‘tolong’. Kalau tidak, serahkan sahaja Hospital Serdang itu kepada UPM,” katanya sempena sidang media pada mesyuarat Gakum di UMS, di sini, kelmarin.

Omar meminta kementerian berkenaan supaya memandang serius perkara itu demi kebaikan pelajar dan seterusnya memantapkan arena pendidikan negara.

Katanya Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Mara dan beberapa universiti awam yang lain mempunyai hospital sendiri.

Beliau berkata langkah itu penting bagi memastikan pelajar tidak lari ke tempat lain ‘kalau ada hospital sendiri ia lebih menjamin dan memantapkan dari segi latihan perubahan dan tidak perlu menumpang hospital lain’.